



Fail: (42) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 9 Februari 2012

Ketua Pengarang,

Berita Harian

Akhbar : **Berita Harian**
Tarikh : **03 Januari 2012**
Subjek : **Tandas Berbayar Tapi Tiada Air**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Kerajaan Tempatan(JKT) melalui Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) merujuk kepada artikel tersebut, ingin memaklumkan bahawa pihak Majlis telah menjalankan siasatan terhadap aduan ketiadaan air dan didapati beberapa punca kepada permasalahan tersebut telah dikenalpasti:-

- a) Tekanan air yang rendah;
- b) Kerosakan paip dan pili air yang menyebabkan air mengalir keluar dan tidak bersambung ke dalam tangki;
- c) Sikap peniaga yang tidak bertanggungjawab menggunakan air di sinki awam bagi mengelakkan penggunaan air bermeter yang di pasang di premis perniagaan mereka.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telah menjalankan kerja-kerja pembaikan kerosakan paip air, menaiktaraf sistem perpaipan dari 1 ½" kepada 3" ukur lilit paip ke tangki serta menaiktaraf sistem 'pump' dari 1hp kepada 3hp. Kerja-kerja pembaikan ini telah siap sepenuhnya pada 9 Januari 2012.

Seterusnya, bagi tindakan jangka panjang, pihak Majlis bercadang untuk menaiktaraf tangki sedia ada iaitu daripada 300 gelen 2000 gelen yang akan dipasang di atas permukaan tanah bagi memastikan bekalan air tidak terganggu.

MPSJ juga akan memantau peniaga yang tidak bertanggungjawab dari menggunakan paip air di tandas awam untuk kegunaan perniagaan mereka.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my